



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	8/7/2011

BERSIH patut bertolak ansur

PUTRAJAYA: Tan Sri Muhyiddin Yassin menegur penganjur perhimpunan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) supaya bersikap munasabah dan bertolak ansur berikutan keputusan kerajaan memberi kelonggaran untuk membenarkan mereka berhimpun mengikut undang-undang sedia ada.

Timbalan Perdana Menteri menasihatkan gabungan terbabit pilih stadium mana yang sesuai bagi berhimpun dan jangan lagi berdegil selain terus mengeluarkan kenyataan yang berunsur mahu mencecuskan provokasi atau tak habis-habis mahu berlawan tanpa sebarang niat baik.

"Walaupun Kabinet benarkan mereka (BERSIH) mengadakan perhimpunan di stadium, kita putuskan tidak mahu Kuala Lumpur menjadi sesak dan tercetus pula masalah lain. Jadi, elok buat di luar

ibu negara, saya dengar Menteri Besar Selangor (Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim) pun buat tawaran supaya adakan (perhimpunan) di negeri itu.

"Namun, mereka berdegil mahu mengadakannya di Stadium Merdeka sedangkan ia hanya mampu memuatkan 30,000 tapi mereka nak kumpul 300,000, apakah tujuan nak buat di situ. Lagi pun, ini soal pemilik stadium kalau mereka nak izinkan, ia bukan milik kerajaan.



"Stadium Merdeka pula adalah tapak pengisytiharan kemerdekaan dan saya fikir tak wajar nak cemarnya dengan apa juga kegiatan perhimpunan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bekalan dan Harga Makanan, di sini, semalam.

Kelmarin, Kabinet memutuskan tidak akan membenarkan BERSIH menganjurkan perhimpunan di Stadium Merdeka, Stadium Negara atau Stadium Nasional Bukit Jalil kerana ia bukan pertubuhan yang sah di sisi undang-undang selain atas faktor ketenteraman awam.

Penganjur perhimpunan itu pula berkata, mereka mahu mengadakannya di Stadium Merdeka dengan alasan ia mempunyai banyak kemudahan pengangkutan awam dan kawasan strategik untuk pertemuan orang ramai selain memudahkan polis mengawal keadaan.